

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(X)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH  
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

4. Berapakah jumlah kilang di Negeri Pulau Pinang yang masih berdegil sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih beroperasi tanpa memberi cuti kepada pekerja mereka?
  - (a) Apakah tindakan yang diambil kepada kilang-kilang tersebut?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Buat masa ini kerajaan negeri tidak mempunyai data mengenai bilangan kilang yang beroperasi tanpa kelulusan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada dasarnya, hanya agensi atau syarikat yang disenaraikan sebagai perkhidmatan penting (*essential services*) yang dibenarkan untuk beroperasi di sepanjang tempoh PKP ekoran bencana wabak COVID-19.

Sehubungan itu, hanya syarikat-syarikat dari industri kritikal boleh memohon untuk terus beroperasi. Senarai industri kritikal adalah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI). Syarikat perlu memohon untuk beroperasi dalam tempoh PKP dan mendapat surat kelulusan daripada MITI.

Setakat 2 April 2020, hanya 636 syarikat industri yang dibenarkan oleh MITI untuk beroperasi di Pulau Pinang sepanjang tempoh PKP berlangsung.

- (a) Majikan yang ingkar PKP sekiranya bersabit kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan 7, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, yang boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.